



UUM / AA87 / SN / 10.08.2026 / P: 10 (1-3)

Sindiket eksploitasi pulau kecil

Teknologi, risikan, komuniti perlu gerak serentak - Pakar

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Kerajaan disaran melaksanakan tiga tindakan segera bagi mengekang kegiatan sindiket dadah yang mengeksploitasi pulau-pulau kecil khususnya di Sabah, sebagai laluan transit dan lokasi penyeludupan.

Pakar Kriminologi dan Keselamatan Sempadan, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Zalmizy Hussin berkata, pendekatan penguatkuasaan perlu beralih daripada rondaan kepada jaringan keselamatan pintar menggabungkan kekuatan agensi, teknologi dan komuniti.

Menurutnya, tiga tindakan segera itu meliputi penubuhan komando pulau bersepadu yang menghimpunkan Pasukan Gerakan Am (PGA), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) di bawah satu arahan di setiap daerah pulau.

"Kongsi bot, kongsi data, kongsi risikan serta jangan bergerak berasingan."

Laporan muka depan Sinar Harian pada Ahad.

"Keduanya ialah penggunaan teknologi dengan pemasangan radar pantai, kamera litar tertutup (CCTV) termal dan dron di pulau-pulau strategik.

"Guna kecerdasan buatan (AI) untuk mengesan bot mencurigakan pada waktu malam," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Tambahnya, langkah ketiga ialah memperkukuh penglibatan komuniti pulau dengan menjadikan ketua kampung dan penduduk setempat sebagai 'radar manusia' bagi mengesan pergerakan mencurigakan, selain menyediakan skim ganjaran serta saluran aduan yang selamat.

Menurutnya, usaha itu perlu disokong dengan membedah tiga kelemahan utama yang selama ini membuka ruang kepada kegiatan sindiket, iaitu aspek risikan, perundangan dan koordinasi agensi, selain kawalan sosioekonomi.

"Kita perlu lebih proaktif menjejaki rangkaian kewangan sindiket, menjejaki bot yang kerap keluar masuk tanpa tujuan jelas, selain memperkemas bidang kuasa antara agensi penguat kuasa," ujarnya.

Katanya, kegagalan membendung kegiatan itu bukan



ZALMIZY

sahaja mengancam keselamatan negara, malah boleh memberi kesan langsung terhadap ekonomi dan masa depan generasi muda di kawasan terbabit.

"Hari ini mereka seludup dadah, esok boleh seludup senjata dan manusia. Sindiket tidak hantar semua dadah keluar. Sebahagian akan 'tumpah' dan dijual di negeri terbabit sendiri hingga anak muda di pulau dan bandar akan jadi mangsa pertama. Kita akan kehilangan satu generasi kepada ketagihan," ujarnya.

Tegasnya, pulau-pulau kecil perlu dilihat sebagai aset strategik negara dan tidak boleh dibiarkan menjadi ruang kosong yang mudah dieksploitasi sindiket.

"Kerajaan perlu isytihar Operasi Benteng Pulau secara besar-besaran. Bukan untuk berperang dengan nelayan, tetapi menutup terus ruang yang dieksploitasi sindiket.

"Masa untuk bertindak adalah sekarang, sebelum hotspot ini bertukar menjadi sarang yang mustahil dibersihkan," ujarnya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan, di sebalik keindahan gugusan pulau di pantai timur Sabah, tersembunyi ancaman apabila kawasan seperti Semporna dan Tawau di-

kesan lokasi strategik dieksploitasi sindiket dadah rentas sempadan.

Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah dilaporkan berkata, sindiket menggunakan pulau kecil, persisiran pantai dan kawasan perairan yang kurang mendapat perhatian sebagai lokasi transit sementara.

